

Kit Siang bimbang dasar Islam lebih ketat

UM - 2 DEC 1999

Oleh B. KUMARATHEVAN

PULAU PINANG 1 Dis. — Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang meminta Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad agar memberi jaminan kepada penduduk bukan Islam bahawa UMNO tidak akan berlumba-lumba dengan Pas sehingga memperkenalkan dasar Islam yang lebih ketat bagi menarik sokongan orang Melayu di negara ini.

Pada sidang akhbar di sini, hari ini, Kit Siang mengakui bahawa Perdana Menteri dan para pemimpin UMNO akan berada dalam keadaan tertekan dengan kemasukan sebegitu ramai pemimpin Pas dalam Parlimen.

"Kehadiran semakin ramai pemimpin Pas dalam

Parlimen akan memberi tekanan hebat kepada UMNO. DAP bimbang keadaan itu akan membuatkan UMNO berlumba-lumba untuk memperkenalkan dasar Islam yang ketat.

"Bagi memastikan keadaan itu tidak berlaku, Perdana Menteri perlu memberi jaminan secara umum kepada rakyat bukan Islam," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh dalam kenyataan akhbar kepada Utusan hari ini menegaskan bahawa DAP tidak akan teragak-agak untuk mengkaji kedudukannya dalam pakatan pembangkang sekiranya Pas bertindak memperkenalkan hukum hudud.

Beliau juga berkata DAP akan turut menentang sekiranya Pas ingin menubuhkan negeri Islam di Tereng-

ganu yang baru ditawannya dalam pilihan raya ke 10 lalu.

"DAP akan tetap menolak sebarang tindakan Pas yang melanggar Perlembagaan Persekutuan," tegasnya yang tewas dalam perebutan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam pilihan raya lalu.

Menurut beliau, DAP yang sering menolak sebarang cadangan hukum hudud ataupun penubuhan negeri Islam di Malaysia menyertai pakatan pembangkang dengan membuat pra-syarat bahawa Pas mesti melupakan objektifnya untuk menubuhkan negara Islam.

"DAP sebelum ini telah mendesak bahawa manifesto pakatan pembangkang tidak mengandungi perkara mengenai penubuhan nege-

ri Islam dan oleh yang demikian ia tidak dimasukkan dalam manifesto semasa pilihan raya ini.

"Justeru itu, Pas harus menghormati komitmennya terhadap pakatan pembangkang dan jika tidak DAP tidak akan teragak-agak untuk mengkaji kedudukannya dalam pakatan itu," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan akhbar mengenai rancangan Pas untuk memperkenalkan hukum hudud di Terengganu.

Menteri Besar Terengganu yang baru dilantik, Abdul Hadi Awang yang juga Pesuruhjaya Pas Negeri semalam memberitahu bahawa pelaksanaan undang-undang Islam termasuk hukum hudud akan digubal mengikut prosedurnya.

"Namun begitu ia akan dibawa ke Dewan Negeri untuk dibahaskan dan sudah semestinya ia perlu kelulusan Dewan," katanya.

Karpal menarik perhatian, tujuan utama DAP bergabung dengan parti-parti pembangkang lain dalam pakatan pembangkang adalah semata-mata untuk menafikan majoriti dua pertiga Barisan Nasional (BN) di Parlimen.

Beliau menambah, Pas yang memenangi 27 kerusi Parlimen mendahului parti-parti pembangkang yang lain tidak harus mengeksploitasikan kejayaan mereka dalam pilihan raya kali ini dengan mengambil tindakan-tindakan nekad termasuk membelakangkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.